

# INFO Zakat

KELUARAN 1/2021



www.zakatpenang.com

EDARAN PERCUMA

## ZIARAH KASIH ASNAF



Dapatkan maklumat berkaitan Zakat Pulau Pinang, (MAINPP) di pelbagai medium rasmi kami:



04-5498088



Laman web rasmi : [zakatpenang.com](http://zakatpenang.com) Portal Pengguna : [zakatpenang2u.com](http://zakatpenang2u.com)

"Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibelia"

# ZIARAH KASIH ASNAF

Zakat Pulau Pinang (ZPP) turun menziarahi asraf fakir miskin bagi menyerahkan Saguhati Hari Raya. Saguhati tersebut diserahkan sendiri oleh En. Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP bersama Team Peduli Asraf. Ziarah Kasih Asraf merupakan sebahagian dari program Bantuan Nur Ramadan yang bertujuan untuk meringankan beban golongan asraf fakir dan miskin bagi menjalani ibadah puasa Ramadan pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif ZPP turut melawat beberapa rumah mangsa ribut di sekitar daerah Seberang Perai Tengah. Bantuan wang tunai turut diserahkan kepada mangsa ribut bagi meringankan kesusahan mereka.



## ASNAF TERIMA BANTUAN RUMAH ZAKAT



**6 Mac 2021, Permatang Tinggi B, Kepala Batas :** Zakat Pulau Pinang hari ini menyerahkan bantuan rumah zakat kepada En. Ahmad Sukri Mohamed Salleh, 49 tahun. Beliau menyara isteri dan 7 orang anak dengan bermiaga pasar malam. Beliau menerima sebuah rumah dengan 3 bilik tidur yang berkeluasan 800 kaki persegi.

Rumah yang bernilai RM57,500 ini merupakan usaha Zakat Pulau Pinang bagi menyediakan tempat tinggal yang selesa kepada asraf fakir / miskin.

Penyerahan bantuan rumah ini disempurnakan oleh YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.





## MAJLIS PENYERAHAN RUMAH BAITI JANNATI TNB



**21 Februari 2021, KEPALA BATAS :** Majlis penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Reezal Merican Bin Naina Merican, Menteri Belia Dan Sukan yang juga Ahli Parlimen Kepala Batas. Turut hadir, Ir. Azmi Bin Md Yusof, Pengurus Besar Negeri (Pulau Pinang / Kedah / Perlis) Tenaga Nasional Berhad dan En. Amran Bin Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang. Rumah tiga bilik itu diserahkan kepada pemiliknya yang juga merupakan asnaf di Zakat Pulau Pinang, Pn Azean Binti Yusoff di Kampung Baharu, Tasek Gelugor.

Projek Baiti Jannati (PBJ) TNB ini adalah salah satu program di bawah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) TNB dan dana yang digunakan bagi membina rumah ini adalah dari wang zakat TNB. Zakat Pulau Pinang akan terus memberikan kerjasama yang terbaik kepada mana-mana badan korporat yang ingin membantu asnaf di negeri Pulau Pinang.

## BANTUAN BAIKPULIH RUMAH ASNAF



**6 Mac 2021, Tasek Gelugor :** Zakat Pulau Pinang menyerahkan semula rumah yang telah selesai dibaikpulih kepada pemiliknya, En. Abdul Aziz Abu Hussain. Sementara menunggu rumah siap, ZPP telah menyalurkan bantuan sewa rumah untuk mereka sekeluarga. ZPP juga telah membantu memasang bekalan elektrik kerana kedudukan rumah berkenaan jauh ke pedalaman dan tiada sumber bekalan air. ZPP turut menyediakan telaga boring untuk kegunaan keluarga ini mendapat bekalan air yang bersih.



Bantuan baikpulih rumah ini adalah usaha Zakat Pulau Pinang bagi membantu golongan asnaf fakir dan miskin menampung kos membaiki rumah yang rosak dan daif seterusnya menyediakan ruang kediaman yang lebih sempurna.

Penyerahan semula rumah ini disempurnakan oleh YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

# MERAIKAN WAKIL KUTIPAN ZAKAT

31 Mac 2021, Perai : Satu majlis Hi-Tea bersama wakil kutipan Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah diadakan di Hotel Ixora, Perai. Majlis ini bertujuan bagi meraikan wakil-wakil kutipan zakat yang berdaftar dengan Zakat Pulau Pinang. Sebanyak 17 wakil kutipan Zakat Pulau Pinang hadir dalam majlis ini. Dalam majlis ini, para wakil kutipan zakat telah diberi penerangan berkenaan syarat-syarat yang harus dipatuhi ketika melaksanakan amanah kutipan zakat yang diberikan oleh ZPP di negeri Pulau Pinang. Semoga dengan kerjasama begini, lebih ramai asnaf yang memerlukan dapat menerima manfaat zakat.



## MOU TUNAS USAHAWAN ZAKAT DI ANTARA SME CORP MALAYSIA DAN ZAKAT PULAU PINANG

30 Mac 2021, Seberang Jaya : Zakat Pulau Pinang hari ini selangkah lagi ke hadapan dalam usaha membantu asnaf memerlukan di negeri Pulau Pinang melalui Program Tunas Usahawan Zakat (TUZ) yang bakal dilaksanakan tidak lama lagi. Memorandum Persefahaman telah ditandatangani antara Zakat Pulau Pinang yang diwakili oleh En. Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif, Zakat Pulau Pinang dan SME Corp. Malaysia yang diwakili oleh Dato' Sri Syed Hussien Al-Habshee, Penggerusi SME Corp. Malaysia pada hari ini merupakan kerjasama pintar yang mempunyai objektif membantu menaik taraf usahawan asnaf dari penerima zakat kepada pengeluar zakat melalui perkongsian maklumat, latihan pembangunan modal insan, pembiayaan serta khidmat nasihat dan bimbingan perniagaan kepada usahawan asnaf di bawah bimbingan Zakat Pulau Pinang. Ini bagi membolehkan mereka menjana pendapatan dalam jangka panjang.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Dr. Roslan Bin Ahmad, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Program TUZ ini merupakan kerjasama di antara SME Corp. Malaysia iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dengan Zakat Pulau Pinang, MAINPP bagi menggalakkan keusahawanan dan membangunkan perniagaan dalam kalangan usahawan asnaf.

Zakat Pulau Pinang akan terus memberikan kerjasama terbaik kepada mana-mana badan korporat yang ingin membantu asnaf yang memerlukan di negeri Pulau Pinang.



Dato Sri Syed Hussien Al-Habshee,  
Penggerusi SME Corp. Malaysia



# KURSUS TRANSFORMASI MINDA USAHAWAN

Penceramah berkongsi pengalaman sebagai usahawan kepada peserta program yang mengikuti program.

Usahawan-usahawan asnaf yang mengikuti Kursus Transformasi Minda Usahawan anjuran Zakat Pulau Pinang

Perkongsian dari En. Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP

**8 April 2021, Kepala Batas :** Kursus Transformasi Minda Usahawan anjuran Zakat Pulau Pinang telah diadakan di Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas. Seramai 30 orang usahawan yang menerima bantuan perniagaan Zakat Pulau Pinang hadir dalam kursus ini. Program ini bertujuan memberi peluang kepada usahawan asnaf untuk meneroka pengetahuan baharu terutama menggunakan aplikasi-aplikasi terkini.

Selain itu, ianya bertujuan mempersiapkan dan memberi pendedahan supaya usahawan lebih berusaha dan berdaya saing dalam perniagaan. Semoga dengan usaha Zakat Pulau Pinang ini dapat melahirkan usahawan asnaf yang berjaya lantas menjadi pembayar zakat yang menyumbang semula buat asnaf lain.

## LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH JAWHAR KE RUMAH ASNAF

**6 April 2021, BALIK PULAU :** Lawatan kerja Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), Tuan Haji Ruslan bin Said ke rumah asnaf penerima bantuan bina rumah Program MyHAUS telah disambut mesra oleh En. Mohamad Kairi Ghazalli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) Zakat Pulau Pinang. Program MyHAUS ini adalah hasil kolaborasi serta kerjasama strategik antara pihak JAWHAR dan Zakat Pulau Pinang, dalam usaha memberikan kediaman yang selesa dan selamat buat asnaf memerlukan. Penerima bantuan Program MyHAUS yang terletak di Kampung Terang, Balik Pulau ini adalah Puan Hasnah Hussain yang turut menjaga seorang ibu warga emas serta seorang adik yang kelainan upaya.



Ketua Pengarah JAWHAR (bersongkok) berbual bersama ibu kepada Pn. Hasnah Hussain.



Bergambar bersama Pn. Hasnah Hussain (Tiga dari kiri), penerima bantuan bina rumah Program #MyHAUS



Tuan Haji Ruslan bin Said menyerahkan hamper makanan buat Pn. Hasnah Hussain

# MAJLIS PENTAUULIAHAN AMIL 2021

1 April 2021, Perai : Zakat Pulau Pinang telah menganjurkan Majlis Pentaulianan Amil Zakat Fitrah Negeri Pulau Pinang Tahun 1442H / 2021M. Majlis ini merupakan salah satu program terpenting yang dianjurkan Zakat Pulau Pinang saban tahun. Namun pada tahun 2020, buat pertama kalinya Zakat Pulau Pinang terpaksa membatalkan Majlis Pentaulianan Amil ini disebabkan pandemik Covid-19.

Untuk makluman, pada tahun 2020, jumlah kutipan Zakat Fitrah meningkat sebanyak 9.5% dan jumlah pembayar juga meningkat sebanyak 4.59% berbanding tahun 2019.

Pada tahun ini (2021), Zakat Pulau Pinang melantik seramai 1,719 orang Amil Zakat Fitrah yang melibatkan 232 pusat kutipan bagi memungut Zakat Fitrah di seluruh negeri Pulau Pinang.

Zakat Pulau Pinang merakamkan ucapan terima kasih kepada para amil atas kerjasama selama ini dan semoga pada tahun ini, para Amil dapat melaksanakan tanggungjawab dan amanah ini dengan cemerlang dan jayanya.



## MESYUARAT FATWA NEGERI PULAU PINANG 2021

4 April 2021, Perai : Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang 2021 telah diadakan. Mesyuarat ini merupakan anjuran Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Jawatankuasa Panel Syariah Zakat Pulau Pinang. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor.

Sebanyak 12 kertas kerja mengenai isu-isu zakat telah dibentangkan kepada Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang bagi mendapatkan pandangan hukum dan fatwa terkini.





# SKIM INAPAN KASIH

1 April 2021, Perai : Zakat Pulau Pinang melancarkan penjenamaan baharu bantuan bina rumah asnaf yang kini dikenali sebagai Skim Inapan Kasih. Ianya telah dilancarkan secara rasmi oleh YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Negeri Pulau Pinang merangkup Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Penjenamaan Skim Inapan Kasih ini adalah untuk menzahirkan kesungguhan Zakat Pulau Pinang dalam menunaikan amanah pembayar zakat, dengan memberikan skim agihan yang terbaik kepada asnaf sebagai hak yang sepatutnya dimiliki oleh golongan asnaf.

Skim Inapan Kasih ini merupakan sebahagian usaha Zakat Pulau Pinang dalam memperkasakan asnaf di negeri Pulau Pinang. Semoga dengan zakat yang disalurkan melalui Zakat Pulau Pinang, dapat memberikan kehidupan yang lebih sempurna buat asnaf.



# ZPP TERIMA LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH JAWHAR

7 April 2021, Bukit Mertajam : Lawatan kerja yang diketuai oleh Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), Tn. Haji Ruslan Said bersama beberapa orang pegawai telah disambut mesra oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Zakat Pulau Pinang, Encik Amran Hazali dan para pegawai kanan ZPP.

Lawatan kerja ini adalah rentetan daripada lawatan beliau ke projek rumah asnaf MyHAUS di Balik Pulau sebelum itu. Tujuan lawatan kerja ini juga adalah bagi membina jalinan silaturahim yang lebih kukuh dalam membantu para asnaf yang memerlukan.



## PENGUMUNAN KADAR ZAKAT FITRAH NEGERI PULAU PINANG TAHUN 1442H / 2021M

8 April 2021, Bukit Mertajam : Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman telah mengumumkan tiga kadar zakat fitrah yang telah ditetapkan iaitu RM7.00, RM12.00 dan RM16.00 seorang. Kadar ini telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang. Tiga kadar zakat fitrah ini telah ditetapkan bagi memberi peluang kepada umat Islam di Pulau Pinang yang memiliki kemampuan, menunaikan kewajipan membayar zakat fitrah pada kadar yang lebih tinggi.

Pada tahun ini, jumlah kariah dan pusat kutipan yang dilantik oleh MAINPP adalah sebanyak 232 kariah dengan jumlah amil yang ditauliahkan seramai 1,719 orang di seluruh negeri Pulau Pinang.

Zakat Pulau Pinang juga telah mengumumkan zakat fitrah boleh ditunaikan secara dalam talian iaitu melalui aplikasi mudah alih TULUS, JomPAY, QR Kod Bank Muamalat, portal zakatpenang2u.com dan perbankan internet Maybank2u.



## MAJLIS SERAHAN SAGUHATI HARI RAYA FAKIR MISKIN

1 Mei 2021, Georgetown : Seramai 31 orang fakir miskin di Masjid Acheh Kebun Lama menerima sumbangan Saguhati Hari Raya Fakir Miskin Zakat Pulau Pinang. Lebih 210 buah masjid di seluruh negeri Pulau Pinang turut mengagihkan saguhati dari peruntukan Zakat Pulau Pinang tersebut.

Zakat Pulau Pinang bekerjasama dengan pihak masjid setiap tahun bagi mengagihkan saguhati hari raya fakir miskin ini bagi membantu mereka membuat persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan lebih sempurna. Dalam majlis yang sama, seramai 55 orang fakir miskin yang lain turut menerima Menu Khas Iftar Peduli Asnaf iaitu sumbangan dalam bentuk makanan berbuka puasa hasil kerjasama NGO Gerakan Amal Dan Kebajikan Pulau Pinang.

Sumbangan telah diserahkan oleh YBhg. Dr. Roslan Ahmad, Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan En. Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang.



## PENGUMUMAN SAGUHATI NUR RAMADAN DAN HARI RAYA

4 Mei 2021, Bukit Mertajam : Zakat Pulau Pinang telah mengumumkan bahawa sebanyak RM7,316,100.00 telah diagihkan untuk Bantuan Ramadan dan Hari Raya kepada asnaf fakir miskin bagi tahun 1442H / 2021M. Jumlah agihan bantuan berkenaan telah diumumkan oleh En. Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang.

Pemberian saguhati tambahan ini adalah sebagai meringankan beban golongan asnaf Fakir Miskin yang menyambut kedatangan bulan Ramadan dan bulan Syawal yang bakal tiba nanti. Pada tahun 1442H / 2021M, Zakat Pulau Pinang telah mengagihkan saguhati Nur Ramadan dan saguhati Hari Raya Aidilfitri kepada 24,072 penerima yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin. Bagi saguhati Nur Ramadan, ZPP telah mengagihkan sebanyak RM3,050,800.00 dengan bilangan penerima seramai 14,644 orang. Manakala Saguhati Hari Raya Aidil Fitri adalah berjumlah sebanyak RM4,265,300 dengan bilangan penerima seramai 9,428 orang. Terima kasih pembayar zakat.



## Program MASA@SungaiNibong

1 Mei 2021, Gelugor : Penganjuran Program MASA@SungaiNibong (Makmal Sosio Akademik Sungai Nibong) ini adalah hasil kerjasama MAINPP, ZPP dan Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV USM).

Program ini bertujuan membantu asnaf secara berterusan dari sudut ekonomi dan rohani sehingga dapat mengeluarkan asnaf-asnaf yang terpilih ini daripada golongan penerima zakat secara lebih efektif. Seramai 18 orang asnaf telah terpilih bagi mengikuti program ini. Mereka adalah calon-calon yang terdiri daripada penerima Bantuan Bulanan Zakat Pulau Pinang dan beberapa asnaf yang dicalonkan oleh MAINPP. Calon-calon ini kemudian ditemuduga oleh ZPP dan ISDEV USM bagi memilih mereka yang mempunyai kesesuaian dengan kriteria program. Antara kriteria yang dinilai adalah kesungguhan asnaf untuk membangunkan diri, tanggungan isi rumah, komitmen untuk memperkasakan ilmu agama, rekod milikan rumah dan lain-lain.

Peserta program ini menerima manfaat bantuan zakat antaranya seperti, Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Sewa Rumah dan Bantuan Nur Ramadan. Peruntukan bantuan ini tidak termasuk Bantuan Awal Persekolahan, Bantuan Permulaan IPT serta bantuan-bantuan lain bagi asnaf yang layak. Secara kasar, ZPP memperuntukkan sebanyak RM204,000.00 setahun untuk semua peserta program Program MASA@SungaiNibong ini. Program pembangunan sahsiah dan ekonomi peserta dan ahli keluarga juga diadakan dengan peruntukan sebanyak RM140,000.00. Ini menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan program ini adalah sebanyak RM344,000.00 setahun.

Turut hadir pada sesi taklimat program yang telah diadakan adalah Dr. Shereeza binti Sherif, Ketua Projek Program MASA@Sungai Nibong (ISDEV USM), Tuan Hj. Sheikh Mohamed Tawfeek bin Hassan Badjenid daripada Tetuan Tawfeek Badjenid & Partners, En. Ruslan Bin Harun, Pengurus Besar Jabatan Operasi Agihan ZPP, Tuan Haji Fakhruddin Bin Abd. Rahman, Ketua Unit Pembangunan Hartanah dan Harta, Wakaf, MAINPP dan En. Mohamad Hafizuddin Bin Sirajuddin, Ketua Pegawai Operasi Wakaf Pulau Pinang. Taklimat yang disampaikan adalah berhubung pengurusan wakaf, bantuan zakat yang dinikmati, aspek pengurusan sewaan dan penyelenggaraan premis dan perjanjian sewaan yang ditandatangani.

Semoga Program MASA@SungaiNibong ini dapat membantu asnaf menjadi ikon zakat yang mampu berdikari dan berjaya menjadi seorang Muzakki.



Antara peserta asnaf, penghuni Pangaspuri Wakaf Siti & Hajah Norijah yang hadir.



## **"KAMI BOLEH HADIR KE LOKASI ANDA"**

*dapat sambutan luar biasa di kalangan ahli perniagaan.*

Fokus Utama: Kunjungan, Temujanji, Taksiran dan Kutipan.

Bahagian Dakwah Korporat, Jabatan Operasi Kutipan ZPP giat menjalankan aktiviti Dakwah Zakat Perniagaan kepada semua peringkat perniagaan samada perniagaan baru bermula, kecil-kecilan, sederhana, Enterprise, Trading, Koperasi, Syarikat Berhad dan Badan Korporat di seluruh Pulau Pinang. Lebih menarik ialah slogan "Kami Boleh Hadir ke Lokasi Anda" mendapat sambutan dan maklum balas yang luar biasa. Rata-rata peniaga atau pemilik perniagaan menarik nafas lega kerana kewajipan menunaikan Zakat Perniagaan menjadi sangat mudah dan efisyen. Senyuman terukir apabila setiap bulan / tahun, Bahagian Dakwah Korporat ZPP hadir ke premis perniagaan mereka untuk melakukan Taksiran Zakat Perniagaan dan bayaran zakat dapat ditunaikan ketika itu juga. Kini segalanya menjadi mudah tanpa perlu ke kaunter zakat. Hubungi 04-548 5026, Bahagian Dakwah Korporat, Jabatan Operasi Kutipan, Zakat Pulau Pinang bagi mengatur sebarang temujanji, taksiran dan membuat kutipan zakat perniagaan di pejabat / premis anda.



# Galeri PEMBAYARAN ZAKAT



Dato' Haji Ibrahim Abdul Rahman  
Firma Guaman IBRAHIM & KIM



Dato' Seri Yusuf Taiyoob,  
Pengarah Urusan Yusuf Taiyoob Sdn Bhd



Dato' Muhammad Idris Bin Saleh,  
Pengerusi Jemaah Pengarah,  
Pertubuhan Peladang Kawasan Seri Pulau



En. Mohamad Najib Ishak,  
Pengarah Urusan Raya Airways Sdn Bhd.



Dato' (Dr) Hj Saduruddin Gulam Husen, Pengarah Urusan,  
MYDIN Wilayah Utara dan En Azmin Saduruddin,  
Pengurus Besar, Iman Ikhlas (M) Sdn Bhd.



Dato' Ibrahim Bin Romli,  
Sinar Ehsan Agency, Tasek Gelugor



En. Omar Bin Hassan Pengurus Besar,  
Persatuan Nelayan Kawasan Pulau Pinang Selatan



En. Abdul Gaffar Bin Abdul Malick,  
Syarikat Abdul Ghaffar Retails Sdn Bhd,  
Georgetown



En. Ahmad Ammar Bin Azlan,  
Ammar Device 2 Fix, Pusat Membaiki Telefon  
Bertam Walk, Kepala Batas



En. Azhari Bin Ali,  
Quintet Enterprise, Kg Kolam,  
Georgetown



En. Helmi Bin Adnan,  
MH Milk Sdn Bhd, Farm Fresh  
Bandar Baru Perda, Bukit Mertajam



En. Mohammad B Johari & Pn. Norhasimah Bt Husin,  
HCV Print House, Bandar Perda



En. Muhammad Fairoz Bin Abd. Bahri,  
Head Of Finance, MSM Prai Berhad



En. Sazali Bin Ismail,  
EZ Global Pest Control, Nibong Tebal



En. Shah Imraan Bin Shafie,  
Syarikat Shafina, Sungai Setar Besar,  
Nibong Tebal



Tuan Haji Sheikh Mohamed Tawfeek Bin Hassan Badjenid,  
Firma Guaman Tawfeek Badjenid & Partners



Pn. Afni Binti Ariffin,  
Sireh Queen AQ Health Beauty Industries,  
Seberang Jaya



Pn. Nurul Zalikha Binti Abdul Rahman,  
Wellesley Planning Consultancy,  
Taman Chai Leng, Perai



Pn. Raudah Binti Abidin,  
Easy Colour Paint, Simpang Ampat



Pn. Rodiah Binti Haron,  
RS Tulus Enterprise, Perusahaan Cili Boh,  
Kampung Sekolah Seri Tasek



Cik Nurul Nazira Binti Abdul Razak,  
Zush Sportswear Virtuoso, Taman Galeri Bagan



En. Abu Hassan Bin Haji Pakeer Mohd,  
Impian Communication, Beach Street, Georgetown



Tuan Haji Zolkefli Bin Awang, Pengarah Maybank Berhad,  
Maybank Wilayah Utara

**ISTIMEWA BUAT ANDA YANG MENJALANKAN PERNIAGAAN**

**2.5%**

# JOM DAFTAR MUZAKKI PULAU PINANG (Pembayar Zakat)

- 1 Baru mula bermula
- 3 Perniagaan online

- 2 Perniagaan kecil-kecilan/sederhana/runcit

- 4 Syarikat Trading/Enterprise/Koperasi/Sendirian Berhad/Berhad



Zakat Pulau Pinang  
04 548 5026

018-388 2320  
013-455 5598  
013-437 1739

Bahagian Dakwah Korporat, Zakat Pulau Pinang, MAINPP



## TAHUKAH ANDA

### Jumlah keseluruhan AGIHAN & PENERIMA ZAKAT Tahun 2020

"Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, dan amil - amil yang menguruskaninya, para muallaf yang dikenakan hatinya, untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, untuk orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan) di jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan (musafir), sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah: dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana".

(Surah At-Taubah: 60)

**RM126,581,574.21**

**41,690 penerima**

**96.8%**

daripada jumlah kutipan zakat tahun 2020 berjaya diajukan

[zakatpenang](#)



Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela | [zakatpenang.com](#) | [zakatpenang2u.com](#)

## RINGKASAN LAPORAN KUTIPAN & AGIHAN ZAKAT SEPANJANG RAMADAN TAHUN 1442H/2021M

**RM KUTIPAN**  
**16,891,520.23**

\*Zakat Harta

**RM AGIHAN**  
**16,970,288.22**

2.5% Anda Membantu Asnaf di Pulau Pinang

**DAFTAR**  
akaun zakat anda sekarang!

Layari [zakatpenang2u.com](#)

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



Zakat TRIVIA #3

## TAHUKAH ANDA

### ZAKAT KWSP

Wang KWSP ialah wang daripada pendapatan seseorang hasil daripada pekerjaannya yang disimpan di dalam akaun simpanan pekerja kerana tertakluk di bawah akta KWSP. KWSP diketahuan zakat kerana konsepnya sama seperti wang simpanan, cuma perbezaannya simpanan di KWSP tidak boleh dikeluarkan sewenang-wenangnya seperti akaun simpanan biasa.

Kadar zakat 2.5% ke atas wang caruman KWSP ketika dikeluarkan sama ada selepas bersara atau dikeluarkan untuk lain-lain tujuan sebelum bersara.

Dibayar setiap kali pengeluaran dibuat.

Jumlah wang yang dikeluarkan  $\times$  2.5% = Zakat yang perlu dibayar



Imbas

untuk pengiraan

[zakatpenang](#)



Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela | [zakatpenang.com](#) | [zakatpenang2u.com](#)

Zakat TRIVIA #5

## TAHUKAH ANDA

### Bantuan Nur Ramadan Tahun 2020

Bantuan Nur Ramadan ini bertujuan untuk meringankan beban golongan fakir dan miskin sempena menyambut kedatangan Bulan Ramadan.

**RM2,486,275.00**

peruntukan telah dibelanjakan dan

**7575 Penerima**

mendapat manfaat.



Zakat Pembina Ukhuuwah, Pengukuh Khairah Ummah | [zakatpenang.com](#) | [zakatpenang2u.com](#)



[zakatpenang](#)



Portal Pengguna Zakat Pulau Pinang

[www.zakatpenang2u.com](#)



URUSAN ZAKAT ANDA DIPERMUDAHAN



ZAKAT

sakinh



Permohonan Skim Sakinah (Potongan Zakat Bulanan)

1. Layari [zakatpenang2u.com](#)
2. Log masuk NAMA PENGGUNA / DAFTAR AKUAN
3. Pilih BAYAR ZAKAT
4. Pilih SKIM SAKINAH
5. Pilih PERMOHONAN BARU
6. Isi Maklumat yang diperlukan
7. Hantar



Jom BAYAR zakat melalui portal [zakatpenang2u.com](#)

[zakatpenang](#)

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela





## Kenapa perlu tunai zakat melalui Skim Sakinah?

(Skim Potongan Zakat Bulanan)

1. Mudah & cepat.
2. Menjimatkan masa anda.
3. Anda tidak perlu bersesak-sesak di kaunter zakat.
4. Anda seorang yang bijak dalam menguruskan kewangan, tidak lagi bimbang membelanjakan wang.
5. Bayaran zakat anda akan diselaraskan dengan PCB, LHDN.
6. Anda layak menyertai Skim Kafalah Mahabbah (Skim khairat kematian) bayaran minimum RM100 setahun.

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



04-549 8088



admin@zakatpenang.com



www.zakatpenang.com

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela | zakatpenang.com | زكاة عummah مساعدة، حق اسناف مسلمة



## Kadar Nisab Zakat Tahun Semasa (2021)

# RM20,500.00

\* Kadar Nisab semasa adalah berdasarkan nilai 85 gram emas.

\* Nisab adalah kadar minima yang ditetapkan oleh syarak yang layak dikenakan zakat.

Dapatkan maklumat berkaitan Zakat Pulau Pinang di perbagai medium rasmi kami:



Laman web: [zakatpenang.com](http://zakatpenang.com)

Portal jasra: [zakatpenang2u.com](http://zakatpenang2u.com)



### TAHUKAH ANDA

#### Bantuan SARAHIDUP (BULANAN) Tahun 2020

Bertujuan meringankan bebanan kewangan golongan Fakir dan Miskin yang memerlukan bantuan saraan yang tetap setiap bulan.

# RM15,799,150.00

peruntukan telah dibelanjakan dan

# 4,888 Penerima

mendapat manfaat.

[zakatpenang.com](http://zakatpenang.com)



Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela | zakatpenang.com | zakatpenang2u.com



[zakatpenang](http://zakatpenang.com)

04-5498088

"Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela"

## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

AMRAN HAZALI  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Zakat Pulau Pinang

### SIDANG EDITOR

MOHAMAD FUAD  
MD ISA  
Timbalan Ketua Pegawai  
Eksekutif (Pentadbiran)

DR. HAJI MOHAMAD  
SALLEH ABDULLAH  
Pengurus Besar Jabatan  
Khidmat Pengurusan

### KETUA EDITOR

KHAIROL AZHAR ZULKIFLI  
Pengurus Bahagian  
Komunikasi Korporat

### EDITOR

MOHAMAD FAZIL  
JAMALUDDIN

### JURUGAMBAR

AHMAD AZRUL BIN HALIT /  
MOHD HUSSEIN MOHD YASSIN